



**MADA**

**LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA  
KENYATAAN TAWARAN**

1. Tawaran daripada **Kontraktor Bumiputera** yang berdaftar di **Daerah Kubang Pasu** sahaja yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan, berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia [LPIPM(CIDB)] dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan akan diterima di **Pejabat Pengurus Wilayah II, Jalan Changloon, 06000 Jitra, Kedah, pada 18 September 2023 sehingga jam 12:00 tengahari.**

<b>BUTIRAN SEBUTHARGA</b>	<b>TARIKH DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK</b>	<b>SYARAT PENDAFTARAN</b>	<b>HARGA DOKUMEN</b>	<b>TARIKH TUTUP</b>
<b>MEMBINA DAN MENYIAPKAN SEBUAH DEWAN SERBAGUNA SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI INAPAN SERI LAKSAMANA, PPK H-II KEPALA BATAS, WILAYAH II, MADA</b>  [SEBUTHARGA NO. MADA(SH)/BPPP/MAFI-AGROBANK /36/2023]	<b>11 September 2023 (Isnin) Jam 9.45 pagi</b>  <b>Pendaftaran : Jam 9.00 pagi hingga 9.30 pagi</b>  Berkumpul di Pertubuhan Peladang Kawasan Tenaga Baru, MADA H-II, Kepala Batas, Jalan Bukit Tinggi, 06200 Kepala batas, Kedah  <b>Lawatan Tapak adalah Wajib kepada pemilik sahaja dengan membawa bersama sijil/lesen ASAL untuk diperiksa sebelum taklimat lawatan tapak</b>	Gred G1 Kategori CE & B Pengkhususan CE21 & B04 <b>(Kebenaran Khas Tidak Dibenarkan)</b>	RM 10 (Satu Set)  Bayaran tidak dikembalikan	<b>18 September 2023 (Isnin) Jam 12.00 tengahari</b>

2. Semua butiran dan Dokumen Tawaran boleh diperolehi di **Pejabat Pengurus Wilayah II, Jalan Changloon, 06000 Jitra, Kedah, mulai 11 September 2023 (Isnin) sehingga 18 September 2022 (Isnin) sehingga jam 12.00 tengahari** pada waktu dan hari bekerja.
3. Kontraktor yang ingin membeli Dokumen Tawaran dikehendaki mengemukakan **Sijil Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** serta **Sijil Taraf Bumiputera** untuk pemeriksaan dan satu salinan bagi setiap sijil tersebut diserahkan kepada pihak MADA sebagai rekod.

4. Dokumen Tawaran juga boleh dibeli oleh wakil kontraktor yang membawa **Surat Wakil Kuasa** serta dokumen-dokumen yang disebutkan dalam Perkara 3.
5. Bayaran untuk membeli Dokumen Tawaran boleh dibuat dengan kaedah seperti berikut :
  - a. Pembayaran secara tunai ; ATAU
  - b. Pembayaran atas talian

Pembayaran Melalui cek tidak akan diterima

6. Dokumen Tawaran Sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermetri serta ditulis nombor sebutharga dan memasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Pejabat Pengurus Wilayah II, Jalan Changloon, 06000 Jitra, Kedah.** Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
7. Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.

Tarikh : 4/9/2023

Tandatangan  
Nama  
Jawatan

  
**Ir. MOHD FARIZAN BIN MOHD YUSOF**  
Pegawai  
Bahagian Pembangunan Dan Pengurusan Projek  
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda  
(MADA)